

Senjata di Iraq: Pendirian Malaysia benar

JM 26 JAN 2004

LANGKAWI 25 Jan. — Kegagalan Kumpulan Tinjauan Iraq menemui senjata pemusnah besar-besaran yang didakwa dimiliki oleh negara itu membuktikan pendirian Malaysia mengenai isu tersebut selama ini adalah benar.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia sebelum ini menegaskan bahawa Iraq tidak memiliki senjata tersebut kerana senjata seperti itu tidak mudah untuk disembunyikan seperti yang didakwa oleh AS dan sekutunya.

“Kita telah kata tidak ada

senjata pemusnah besar-besaran (di Iraq)... tak boleh sembunyi senjata pemusnah besar-besaran,” katanya ketika ditemui oleh pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini, selepas menghabiskan percutian tiga hari di sini.

Beliau ditemani oleh isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan ahli keluarga yang lain.

Dr. Mahathir diminta mengulas mengenai kegagalan Kumpulan Tinjauan Iraq menemui senjata pemusnah besar-besaran di negara tersebut.

Kegagalan itu mendorong ketua kumpulan tersebut, David Kay meletakkan jawatan semalam dan menyatakan beliau tidak percaya Iraq memiliki sebarang simpanan senjata kimia atau biologi.

Dalam kenyataan yang secara langsung mencabar pentadbiran Presiden George W. Bush, Kay memberitahu *Reuters* melalui telefon bahawa beliau telah membuat kesimpulan tidak ada simpanan senjata Iraq yang akan ditemui.

“Saya tidak fikir simpanan itu wujud,” kata Kay. Kumpulan Tinjauan Iraq terletak di bawah Jabatan Pertahanan AS.